

30 AUG 1999

Mahathir-Kemerdekaan

JANGAN PERKECILKAN KEMAMPUAN SENDIRI, KATA PM KEPADA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat Malaysia supaya jangan memperkecilkan kemampuan sendiri kerana mereka tidak kurang kemampuan berbanding orang lain, jika pun tidak lebih baik.

Dalam perutusannya sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-42, beliau juga menegaskan bahawa rakyat Malaysia akan dapat mempertahankan negara mereka daripada apa juga ancaman bukan dengan kekuatan ketenteraan tetapi dengan menguasai ilmu serta kecekapan dalam bidang-bidang teknologi zaman komunikasi bebas ini.

"Janganlah kita memperkecilkan kemampuan kita berfikir, kemampuan kita mencipta ide-ide bernas. Sebenarnya kita tidak kurang daripada orang lain, jika pun tidak lebih baik daripada mereka," katanya dalam perutusan yang disiarkan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Dr Mahathir berkata sambutan Hari Kebangsaan tahun ini yang merupakan terakhir bagi abad dan alaf ini adalah masa yang sesuai bagi rakyat merenung akan keadaan negara sekarang, pencapaian mereka di masa lepas dan arah tuju serta matlamat di masa hadapan.

Malaysia tidak dapat menerima apa sahaja yang dicampakkan kepadanya kerana negara berbilang kaum ini mempunyai hak yang sama dengan negara-negara lain di dunia.

"Kita telah dijajah selama lebih 400 tahun. Kita baru merdeka 42 tahun dan kita tidak rela kebebasan kita dihapuskan walaupun zaman globalisasi sudah tiba. Kita mesti pertahankan kebebasan kita," katanya dalam ucapan yang banyak menyentuh tentang usaha pedagang mata wang menyerang Ringgit Malaysia pada 1997 yang telah memporak-perandakan ekonomi negara.

Mengimbis langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani krisis ekonomi itu, beliau berkata seperkara yang menjadi kekuatan utama negara ialah ketenteraman di kalangan rakyat Malaysia dan sokongan kuat yang diberikan oleh majoriti besar rakyat kepada kerajaan.

Dengan kekuatan itu, kerajaan dapat mencipta pendekatan yang boleh mengembalikan kuasa mata wang ringgit dan pasaran saham tidak lagi dapat dimanipulasi oleh orang asing.

"Rakyat Malaysia akan dapat mempertahankan negara tercinta ini jika kita faham akan bahaya yang kita hadapi dan jika kita menguasai segala ilmu dan kecekapan yang diperlukan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata apabila ide-ide baru diperkenalkan oleh Barat, rakyat Malaysia tidak perlu tergesa-gesa menerimanya kerana sejarah mempunyai banyak contoh ide-ide yang disebarkan oleh Barat untuk kebaikan masyarakat manusia yang kemudiannya digugurkan oleh mereka kerana hasilnya tidak menepati ramalan yang dibuat.

Perdana Menteri memberikan contoh dua ciptaan Barat iaitu ideologi Komunis dan Sosialis yang telah merosakkan banyak negara yang mengamalkannya.

"Bukan sesuatu yang mustahil jika ide seperti demokrasi liberal, pasaran bebas dan globalisasi digugurkan pula."

"Kita sudah pun melihat keburukan yang datang bersama ide-ide ini. Sebab itu kita bukan sahaja perlu berhati-hati menerima ide dari Barat, tetapi kita sepatutnya mencipta ide kita sendiri dalam usaha memperbaiki kehidupan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, sejak Malaysia menerimapakai slogan "Malaysia Boleh" bagi memperkuat keyakinan rakyat terhadap kebolehan diri mereka

sendiri, negara telah menunjukkan beberapa kebolehan yang luar biasa.

Dalam bidang politik, negara boleh jalin hubungan kaum yang baik dan keadaan politik yang stabil manakala dalam bidang ekonomi, Malaysia membangun dengan lebih cepat dan boleh juga menangkis serangan ekonomi oleh orang-orang asing.

Rakyat Malaysia telah mendaki Gunung Everest, terjun dan berjalan dalam salji ke Khutub Utara dan baru-baru ini Datuk Azhar Mansor telah belayar mengelilingi dunia seorang diri dari barat ke timur, satu rekod dunia.

Dr Mahathir berkata dalam sejarah biasa terjadi bangsa dan negara yang mundur, tetapi setelah menukar ganti sifat-sifat yang buruk dengan yang baik, dalam jangka masa yang pendek dapat mencapai kemajuan luar biasa.

"Ingatlah semua negara yang maju sekarang adalah mundur dahulu. Mereka berjaya memajukan negara dan bangsa mereka kerana mereka dapat mengenal pasti apa yang menghalang kemajuan mereka dan mereka menggugurkannya."

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia juga tahu apa yang menghalang mereka.

" Tidak perlu dihuraikan di sini semua halangan ini, yang penting ialah kita sanggup melakukan apa yang diperlukan daripada kita," katanya.

Dr Mahathir sekali lagi memberi amaran bahawa percubaan akan dibuat lagi untuk menguasai negara, dengan falsafah, perkataan dan ide baru dicipta untuk melemahkan ketahanan negara.

Ramai daripada rakyat akan menerima logiknya ide-idea baru ini dan akan menolong menyebarkannya dan sesiapa yang tidak menerimanya akan dianggap sebagai kolot, tidak dapat menyesuaikan diri dengan peredaran zaman.

"Sebelum ini berlaku kita harus sedar akan pelbagai kemungkinan dalam abad akan datang ini," katanya.

Beliau berkata pengalaman Malaysia semasa kegawatan ekonomi yang menyaksikan nilai ringgit jatuh hampir 100 peratus berbanding dolar Amerika dan kehilangan RM500 bilion dalam modal pasaran saham, merupakan pengajaran kepada negara yang akan menolongnya menghadapi cabaran abad ke-21.

Walaupun Malaysia sebuah negara yang kecil dan lemah, ia telah membuktikan bahawa kerajaan yang disokong kuat oleh majoriti rakyat mampu mempertahankan kebebasan, serta dapat mengatasi tekanan asing dan memulihkan negara.

"Permulaan abad dan alaf baru merupakan waktu yang sesuai untuk kita semua membuat keputusan untuk menggugurkan segala-gala yang tidak baik yang menghalang kemajuan kita, dan untuk kita mula secara serius mengamalkan apa yang baik yang boleh memajukan kita dan negara kita ini," katanya.

-- BERNAMA

AU PR